



Kepada : Senarai seperti di Lampiran 1
Daripada : Bendahari
Ruj. Kami : UPSI/BEN/Asp/22/4 2018/9 (81)
Tarikh : 13 Mac 2018
26 Jamadilakhir 1439H

Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI Edisi Tahun 2018

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

- Adalah dimaklumkan, Jabatan Bendahari telah mengemaskini secara keseluruhan Peraturan Kewangan dan Perakaunan UPSI (PKPU) mengikut perkara terkini selaras dengan pekeliling Kerajaan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan pekeliling lain yang digunapakai terutama sekali melibatkan urusan perolehan serta keputusan LPU.
- Bagi memudahkan rujukan semua pihak serta mengambilkira keperluan perubahan PKPU ini pada masa akan datang, maka semakan semula ini juga telah membuat penyusunan serta penstrukturan semula tajuk dan susunan nombor PKPU seperti di Lampiran 1. Selain daripada itu, satu senarai singkatan telah disediakan bagi memudahkan rujukan terma-terma yang digunakan secara berulang kali.
- Perubahan terkini PKPU ini telah pun diperakukan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-74 Bil 1/2018 bertarikh 15 Febuari 2018 dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-115 Bil 1/2018 bertarikh 20 Febuari 2018.
- Sehubungan itu, pihak tuan/puan boleh memuat turun PKPU ini melalui laman web Jabatan Bendahari <http://bendahari.upsi.edu.my>. Sebarang pertanyaan tuan/puan boleh menghubungi Pn. Siti Nurbaya binti Hashim atau Pn. Wahidanoor bt Wahid di talian 6390 atau 6559.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan/puan.

Terima kasih.

(KHADIJAH BINTI HAMDAN)

s.k :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

